

**NO. SOALAN: 113**

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
[POKOK SENAI]**

**TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Senai] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 untuk meningkatkan kuasa Mahkamah Syariah bagi menjatuhkan hukuman yang lebih berat.**

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan menyedari had bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah adalah terhad kepada hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit dan sebatan yang tidak melebihi enam kali atau apa-

apa gabungan hukuman-hukuman tersebut berdasarkan seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355].

Dalam hal ini, Kerajaan telah selesai meneliti cadangan pindaan untuk meningkatkan had bidang kuasa melalui pindaan kepada Akta 355. Pada masa ini, Kerajaan dalam proses mendapatkan maklum balas daripada negeri-negeri terhadap cadangan pindaan Akta tersebut. Menerusi pindaan yang dicadangkan, had bidang kuasa Mahkamah Syariah akan diperluaskan dan dipertingkatkan.

Sekian, terima kasih.